

**FALSAFAH MENG ZI 孟子 (MENCIAUS) DALAM  
PERANCANGAN KHUSUSNYA DALAM BIDANG  
PENYERTAAN AWAM**

**LOH TZE SUH**

DIAJUKAN KEPADA  
PUSAT PENGAJIAN PERUMAHAN, BANGUNAN DAN PERANCANGAN  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA  
SYARAT-SYARAT BAGI MENDAPAT GELARAN  
SARJANA SAINS PERANCANGAN

2002/2003

## Penghargaan

Sekalung penghargaan saya dan ribuan terima kasih ujukan khas kepada Profesor Madya Mohamed Talhah Idrus yang selaku penyelia utama saya di atas sokongan, dan tunjukajar beliau sepanjang masa ini. Tanpa sokongan dan bimbingan beliau, penyediaan tesis ini tidak akan dilaksanakan begitu lancar.

Selain itu, saya juga ingin merakam ribuan terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Lee Lik Meng (penyelia kedua) yang memahami kesulitan penyelidik dan sudi membantu. Terima kasih juga ditujukan kepada kepada Dr Badaruddin Mohammed, dan pensyarah-pensyarah lain atas tunjukajar mereka selama ini.

Dengan ikhlasnya, saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan sekursus khususnya Nai Chun Wei, dan juga bekas rakan sekursus Tan June See atas pertolongannya dalam penterjemahan abstrak saya dalam versi bahasa Inggeris. Malah, saya juga menghargai mereka semua khususnya Tan Siew Fun atas sokongan dan galakan mereka dalam menjayakan penyelidikan ini sama ada secara langsung ataupun tidak langsung.

Akhir sekali, tidak dilupakan kepada keluargaku yang teramat Dad, Mom, dan abang atas sokongan moral mereka sepanjang tempoh menyiapkan penyelidikan ini.

Sekian terima kasih.

daripada,

Loh Tze Suh

# Abstrak

Dalam penyelidikan ini, terdapat dua aspek yang diberi keutamaan, iaitu konsep penyertaan awam dan falsafah Meng Tze (Mencius), 孟子 (seorang ahli pemikir Negera China). Dalam bidang perancangan, penyertaan awam ini bukan lagi sesuatu yang baru, malah ia semakin dititikberatkan khususnya di negara-negara yang bersistem demokrasi. Manakala, apa kaitan pula penyertaan awam dalam zaman moden ini dengan falsafah Meng Tze yang wujud pada zaman lampau (iaitu ketika Zaman Negeri-Negeri Berperang" (*Warring States Period*, 战国时代) antara waktu 475-221 sebelum masihi) ini?" Menurut Winston Churchill, "*Democracy is the worst system devised by the wit of man, except for all the others.*" Jadi, secara amnya, istilah "awam" dalam penyertaan awam sepatutnya merujuk kepada semua orang dalam masyarakat. Yang memeranjatkan ialah maksud awam seperti ini juga pernah disentuh dalam falsafah Meng Tze dengan menggunakan istilah *min*, 民. Malahan, penekanan dan penitikberatan *min*, 民 dalam falsafah Meng Tze ini juga ternampaknya sedikit sebanyak tentang ciri-ciri seperti hak rakyat dan unsur demokrasi yang merupakan elemen penting dalam menyokong pelaksanaan penyertaan awam ini. Jadi, aspek-aspek ini turut dibincangkan dalam penyelidikan ini. Selain itu, penyelidikan ini juga akan membincangkan kesesuaian falsafah Meng Tze dalam bidang penyertaan awam. Diharapkan juga penyelidikan ini sama ada secara langsung ataupun tidak langsung akan sedikit sebanyak mendorong perancangan masa kini melihat pembangunan insan sebagai prasyarat dalam perancangan ataupun pembangunan. Namun, ingin ditekankan di sini ialah penyelidikan ini adalah dilakukan dalam masa yang agak singkat serta berdasarkan data-data serta rujukan yang terhad. Lebih-lebih lagi penyelidikan tentang bidang falsafah serta pemikiran seseorang tokoh merupakan sesuatu yang agak abstrak dan rumit. Justeru, mungkin akan timbul percanggahan idea ataupun pendapat oleh sesetengah golongan. Jadi, ingin ditegaskan bahawa penyelidikan ini tidak bermaksud untuk membantah atau mendebatkan sesuatu yang semestinya mempunyai jawapan yang muktamad. Akan tetapi, ia lebih sebagai rujukan dalam menyumbangkan kepada penyelidikan yang seterusnya serta menjadi perintis kepada pemahaman kepada pemikiran/falsafah tokoh-tokoh Timur dalam menyumbang kepada bidang perancangan. Walau bagaimanapun, perkongsian idea dan pendapat tetap dialu-alukan.

# Abstract

Two aspects will be focused on in this research -- the public participation concept and the philosophy of Meng Tze 孟子 (Mencius). Meng Tze was an infamous philosopher in China during the *Warring States Period*, 战国时代 between 475-221 BC. The concept of public participation is not new in the urban and regional planning industry, especially in the countries that practise democracy. Thus, what is the relationship between the modern concept of public participation and the ancient philosophy of Meng Tze? According to Winston Churchill, *Democracy is the worst system devised by the wit of man, except for all the others.* The meaning of "public" should be all persons in this society. But, surprisingly, the definition of "public" can also be found in the philosophy of Meng Tze -- with the word of *min* 民. In Meng Tze's philosophy however it also reflects some elements or characteristics of human rights (democracy) which are very important in supporting the efficiency of public participation. With that, these aspects will be further discussed in this research. Besides, this research also discusses the suitability of Meng Tze's philosophy in public participation. This research was done with the hope that more encouragement will be given to the planning industry to see human's prospect as a pre-condition in our future planning development. I would like to note that this research was completed in limited time and with limited resources. Further more, the research on the philosophy and the thought of philosopher is found to be very sophisticated and abstract. Thus, there may be very different ideas or arguments from different people. I would like to emphasize that this research does not have an absolute right or wrong answer/meaning. It is more of a reference in contributing to the further research and as a basic attempt to understand the thought and philosophy of a great person in the East. The sharing of ideas and different prospect regarding this work are always welcome.

ENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
DAFTAR KANDUNGAN	iii
SENARAI GAMBAR/FOTO	vii
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii

### bab 1: Rangka Kerja Kajian

0.0	Pengenalan .....	1-1
1.1	Metodologi Kajian .....	1-1
1.1.1	Peringkat Kajian Awalan Pembentukan Idea dan Pengupasan Masalah .....	1-2
1.1.1.1	Mengapa Tajuk Dipilih .....	1-2
1.1.1.2	Keterangan Tajuk Secara Ringkas .....	1-5
1.1.2	Peringkat Merekabentuk Penyelidikan termasuk pembentukan matlamat, objektif kajian, dan skop kajian .....	1-7
1.1.2.1	Matlamat Kajian .....	1-7
1.1.2.2	Objektif Kajian .....	1-7
1.1.2.3	Skop Kajian .....	1-8
1.1.3	Peringkat Pengutipan Data .....	1-8
1.1.4	Peringkat Analisis Data .....	1-9
1.1.5	Peringkat Penemuan dan Persembahan Penyelidikan .....	1-12
1.2	Kandungan Kajian .....	1-13
1.3	Batasan Kajian .....	1-14

### bab 2: Penyertaan Awam Perancangan

0.0	Pengenalan .....	2-1
2.1	Tafsiran Perancangan .....	2-1
2.2	Asal Usul Penyertaan Awam .....	2-5
2.3	Teori dan Tanggapan Penyertaan Awam .....	2-7
2.3.1	Takrifan Penyertaan Awam .....	2-7
2.3.2	Jenis dan Tahap Penyertaan Awam .....	2-11

2.3.3	Peranan/Matlamat Penyertaan Awam .....	2-17
2.4	Penyertaan Awam Di Malaysia .....	2-20
2.4.1	Penyertaan Awam Dalam Akta Perancangan .....	2-21
2.4.2	Penyertaan Awam Dalam Agenda 21 Tempatan .....	2-27
2.5	Persoalan dan Rumusan .....	2-31

### Bab 3: Konsep Meng Tze 孟子 (Mencius) dengan Perancangan

0	Pengenalan .....	3-1
3.1	Meng Tze, 孟子 (Siapakah Meng Tze?) .....	3-4
3.2	Falsafah Meng Tze secara umum .....	3-6
3.3	Sifat manusia (人性 <i>Human Nature</i> ) .....	3-7
3.4	<i>Pentadbiran Ren</i> .....	3-13
3.4.1	Sistem Telaga Sawah(井田制度) .....	3-17
3.4.2	Perihal Cukai .....	3-20
3.4.3	Pendidikan .....	3-21
3.5	Rumusan .....	3-22

### Bab 4: Falsafah Meng Tze 孟子 Dengan Penyertaan awam

0	Pengenalan .....	4-1
4.1	Hubungan Penyertaan Awam Dengan Falsafah Meng Tze 孟子 .....	4-1
4.2	Maksud Awam = Rakyat ( <i>min</i> 民) dalam Falsafah Meng Tze 孟子 .....	4-6
4.3	Demokrasi .....	4-9
4.4	Hak Asasi .....	4-17
4.4.1	Keperluan Asas Dan Pendidikan .....	4-19
4.4.2	Keadilan dan Kesaksamaan .....	4-22
4.4.3	Kebahagiaan .....	4-25
4.5	Hubungan Antara yang merancang dengan yang dirancang .....	4-30
4.6	Pendekatan (Bottom Up/Top Down) .....	4-40
4.6.1	Kuasa terjatuh dalam tangan siapa? .....	4-41
4.6.2	Kawalan rakyat .....	4-44
4.7	Rumusan .....	4-46

## bab 5: Kesesuaian Falsafah Meng Tze 孟子 Dalam Penyertaan Awam

5.0	Pengenalan .....	5-1
5.1	Sikap dan Peribadi (Akhlak) .....	5-1
5.2	Kepentingan Awam Sebagai Matlamat Utama Penyertaan Awam .....	5-4
5.3	Hubungan Antara Mereka Yang Merancang Dengan Mereka Yang Dirancang ...	5-6
5.4	Keperluan Asas .....	5-9
5.5	Persoalan dan Rumusan .....	5-10

## bab 6: Rumusan dan Cadangan

6.0	Pengenalan .....	6-1
6.1	Ringkasan Peninjauan Penyelidikan .....	6-1
6.2	Cadangan Kajian Lanjutan .....	6-3

## BIBLIOGRAFI

## GLOSARI

## LAMPIRAN

## SENARAI GAMBARFOTO

gambarfoto 3.0: Potrait Meng Tze 孟子 .....	3-4
gambarfoto 5.1: Komik Politik .....	5-12

## SENARAI JADUAL

adual 2.1: Aspek-aspek yang menggalakkan kewujudan penyertaan awam .....	2-6
adual 2.2: Ciri-ciri penyertaan awam .....	2-10
adual 2.3: Jenis Penyertaan Awam yang dikategorikan oleh para pujangga .....	2-16
adual 2.4: Matlamat penyertaan awam oleh Alterman .....	2-17-18
adual 2.5: Penyertaan Awam Dalam Bahagian IX, Enakmen Lembaga Bandaran Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1927 .....	2-21
adual 2.6: Penyertaan Awam Dalam Akta 107 .....	2-22
adual 2.7: Perkara Penyertaan Awam Dalam Akta 172 .....	2-24
adual 2.8: Perkara Penyertaan Awam Dalam Pindaan Akta 172 iaitu Akta 538 .....	2-25
adual 2.9: Ciri-Ciri dan Prinsip-Prinsip Dalam Agenda 21 Tempatan .....	2-29
adual 4.1: Bilangan Istilah <i>Min</i> (民) yang wujud dalam <i>Meng Tze</i> .....	4-7
adual 4.2: Ringkasan Unsur Demokrasi dalam Falsafah Meng Tze 孟子.....	4-18
adual 4.3: Perbezaan antara falsafah Meng Tze dengan penyertaan awam. ....	4-31

## ***SENARAI RAJAH***

Rajah 1.1: Metodologi Kajian .....	1-1
Rajah 1.2: Pengumpulan Data-data yang berkaitan .....	1-10
Rajah 1.3: Cara analisis tentang pemikiran Meng Tze, 孟子 .....	1-13
Rajah 2.1 Darjah Penyertaan Awam Arstein .....	2-11
Rajah 2.2: Agenda 21 Tempatan ( <i>Local Agenda 21</i> ) .....	2-27
Rajah 4.1: Konsep Penyertaan Awam Semasa .....	4-2
Rajah 4.2: Konsep Penyertaan Awam Dengan Falsafah Meng Tze 孟子 .....	4-5
Rajah 4.3 Hubungan antara T' en Ming, Kebaikan Pemerintah dan Sokongan Rakyat .....	4-32

**bab 1**

**RANGKA**


**KERJA KAJIAN**

# bab 1: Rangka Kerja Kajian

## 0 Pengenalan

### 1.1 Metodologi Kajian

Metodologi merupakan falsafah proses penyelidikan. Ia termasuk paradigma, andaian-andaian dan nilai yang menjadi dasar alasan penyelidikan dan ukuran ataupun kriteria yang digunakan oleh penyelidik untuk mentafsir data dan membuat kesimpulan. Dalam tesis ini, proses penyelidikan adalah seperti:



Rajah 1.1 Metodologi Kajian

Justeru, berdasarkan rajah 1.1 di atas, penyelidikan ini akan dibahagikan kepada 5 peringkat seperti berikut.

1. Peringkat kajian awalan pembentukan idea dan pengupasan masalah.

2. Peringkat merekabentuk penyelidikan termasuk pembentukan matlamat, objektif kajian dan skop kajian.
3. Peringkat pengumpulan data dan maklumat.
4. Peringkat analisis data.
5. Peringkat penemuan dan persembahan penyelidikan.

### **1.1.1 Peringkat Kajian Awalan Pembentukan Idea dan Pengupasan Masalah.**

#### **1.1.1.1 Mengapakah tajuk ini dipilih.**

Tajuk tesis ini telah dipilih adalah didorong oleh beberapa isu awal iaitu

- a. Isu penyertaan awam
- b. Perancangan dan pembangunan manusia
- c. Tokoh-tokoh timur
- d. Pengaruh pensyarah
- e. Liputan Perpustakaan

#### **Isu penyertaan awam**

Dalam bidang perancangan, penyertaan awam bukanlah lagi satu perkara yang baru. Manakala, ia semakin dititikberatkan khususnya dalam proses perancangan sama ada di negara-negara yang bersistem demokrasi. Namun, sejauh manakah penyertaan awam ini dijalan secara berkesan selama ini? Malah, apa pula yang dimaksudkan dalam istilah "awam" ? Menurut Winston Churchill,

*"Democracy is the worst system devised by the wit of man, except for all the others."*

Jadi, istilah “awam” haruslah bermaksud semua orang dalam masyarakat tetapi bukan hanya mereka yang merupakan ahli-ahli kumpulan pendesak ataupun hanya mereka yang mempunyai kepentingan atau minat sendiri sahaja?

Di samping itu, pemahaman orang ramai terhadap konsep penyertaan awam di negara kita, Malaysia masih kabur serta masih terdapat keraguan lagi di sebaliknya. Malah, timbul juga persoalan-persoalan seperti “untuk siapa perancangan dibuat” , sejauh manakah mereka boleh mengambil bahagian dalam perancangan?” , serta persoalan-persoalan lain yang sering kedengaran.

Selain itu, penyelidikan tentang perkara-perkara penyertaan awam perancangan yang dilakukan adalah amat terhad. Jadi perkara-perkara ataupun isu-isu seperti yang dinyatakan di atas ini telah menjadi salah satu dorongan besar akibatnya topik berkenaan dengan penyertaan awam ini dipilih. Malah, diharap penyelidikan ini akan menjadi satu perintis awal bagi penyelidikan-penyelidikan yang selanjutnya.

### **Perancangan dan pembangunan manusia harus dititikberatkan**

Selain itu, perancangan bandar selama ini selalunya dimaksudkan sebagai perancangan fizikal. Pada pendapat penyelidik, perancangan ataupun pembangunan manusia yang agak penting dalam sesuatu perancangan yang baik. Hal ini disebabkan manusia merupakan elemen yang penting dalam menjayakan perancangan. Sebagai contoh, walaupun perancangan fizikal yang agak bagus telah dilaksanakan di Amerika Syarikat, namun masih terjadi perkara-perkara yang luar jangkaan seperti tragedi 11 Sep 2001. Justeru, bagi pendapat penyelidik, perancangan/pembangunan manusia haruslah dijadikan fokus utama dalam sesuatu perancangan. Jadi, ahli falsafah pembangunan

manusia iaitu Meng Tze 孟子<sup>1</sup> (*Mencius*<sup>2</sup>) telah dipilih dengan melihat falsafahnya tentang penyertaan awam dalam bidang perancangan.

### **Tokoh-tokoh timur**

Namun, mengapakah pula, ahli falsafah Timur iaitu Meng Tze 孟子 ini dipilih tetapi bukan ahli-ahli falsafah Barat seperti Plato, Socrates, ataupun tokoh perancang seperti Le Corbusier, Ebenezer Howard?. Hal ini disebabkan, sepanjang masa ini tokoh-tokoh Barat dan fahaman serta falsafah Barat ini tidak pernah dipisahkan daripada pelajaran bidang perancangan. Sebaliknya tokoh-tokoh Timur yang juga mempunyai kelebihan-pula kurang diberikan perhatian malah semakin diketepikan. Justeru itu, penyelidik telah memilih Meng Tze yang merupakan seorang tokoh Timur (Negeri China) sebagai kajian utama tajuk penyelidikan ini. Bagi penyelidik, hal ini merupakan satu titik pertolakan penting dalam bidang perancangan untuk menerokai serta meninjau pemikiran dan falsafah tokoh-tokoh Timur dalam memberi sedikit sebanyak sumbangan kepada bidang akademik mahupun bidang perancangan.

### **Pengaruh pensyarah**

Di samping itu, ajaran dan pengaruh Profesor Madya Mohamed Talhah 'Idrus<sup>3</sup> juga merupakan satu dorongan yang besar. Khususnya ajarannya dalam subjek "Teori dan

---

Meng Tze 孟子 merupakan seorang tokoh falsafah China yang mahsyur dalam mengembangkan lagi ajaran Kungfuziisme. Peribadi beliau juga diterangkan dalam bab 3. Untuk mengetahui lebih banyak tentang beliau ataupun ajarannya boleh merujuk terus kepada *Shih Chi*, 史記 dan *Si Shu*, 四書 ataupun kajian-kajian lain yang berkenaan.

<sup>1</sup>Mencius merupakan nama Meng Tze 孟子 yang telah dilatinkan oleh sarjana-sarjana Eropah.  
<sup>2</sup>Pensyarah dalam bidang perancangan di Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan, Universiti Sains Malaysia.

Falsafah Perancangan”<sup>4</sup> telah mendorong lagi penyelidik berminat untuk meninjau tentang falsafah tokoh-tokoh Timur. Selain itu, satu kesempatan telah diberikan dalam subjek ini (Teori dan Falsafah Perancangan) untuk mengkaji seseorang tokoh serta kejayaan serta kebijaksanaannya terhadap bidang perancangan. Justeru, hal ini merupakan satu perintis yang baik bagi penyelidik.

### **Liputan Perpustakaan**

Di samping itu, idea dan topik untuk penyelidikan ini juga dibentuk melalui kajian awal ataupun liputan perpustakaan bahan-bahan yang berkaitan dengan topik yang diminati yang dijalankan. Jadi, dalam peringkat ini, bahan-bahan bacaan seperti buku-buku, jurnal-jurnal, kertas-kertas penyelidikan serta sebarang data yang berkaitan dengan topik telah dirujuk.

#### **1.1.1.2 Keterangan tajuk secara ringkas.**

Sepanjang masa ini, konsep penyertaan awam ini telah diketahui ramai sebagai berasal dari Barat serta hanya diamalkan dalam sistem demokrasi. Jadi, topik ini telah dipilih dan juga ingin meninjau falsafah Meng Tze 孟子 dari segi perspek perancangan secara am dan konsep penyertaan awam ini secara khusus.

---

<sup>4</sup> Subjek ini merupakan subjek yang diwajibkan kepada para siswa-siswa dalam bidang perancangan untuk melengkapkan sijil sarjana perancangan mereka. Subjek ini membincangkan tentang asal usul perancangan, falsafah perancangan, tokoh-tokoh perancangan dan sebagainya. Kod subjek ini adalah RPK 531 - Teori Falsafah dan Perancangan. Untuk keterangan lanjut tentang subjek ini boleh dirujuk kepada laman web Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan <http://www.hbp.usm.my> ataupun <http://www.hbp.usm.my/program/MScPlanning.htm>

Meng Tze merupakan seorang ahli falsafah China pada abad ke-4 sebelum Masihi. Beliau merupakan salah seorang tokoh penting dalam meneruskan ajaran Kung Tze 孔子<sup>5</sup> (*Confucius*)<sup>6</sup> iaitu ajaran Kungfuziisme (儒家學 *Confucianism*)<sup>7</sup>. Selain itu, Meng Tze merupakan seorang pemikir asal, yang menyarankan doktrin manusia adalah dilahirkan baik secara semula jadi yang melebihi fahaman Kung Tze. Malah, dalam falsafah Meng Tze faktor *ren* (kasih sayang) 仁 *yi* (adil) 義<sup>8</sup> merupakan faktor yang paling penting dalam membentuk sesebuah pentadbiran atau negara yang aman damai.

Seperti juga dengan tujuan perancangan, matlamat penting dalam ajaran Meng Tze 孟子 adalah meningkatkan kualiti hidup manusia serta mewujudkan suasana masyarakat yang harmoni serta aman dan damai. Justeru, dalam penyelidikan ini, aspek pentadbiran *ren* dalam falsafah Meng Tze akan menjadi fokus utama dalam meninjau hubungkaitnya dengan konsep penyertaan awam.

Setelah topik penyelidikan telah dipilih, maka matlamat, objektif serta skop kajian pula ditentukan.

Kung Tze, 孔子 merupakan seorang tokoh falsafah China yang mahsyur dalam ajaran Kungfuziisme. Untuk mengetahui lebih banyak tentang beliau ataupun ajarannya boleh merujuk kepada *Shih Chi*, 史記 dan *Si Shu*, 四書 ataupun kajian-kajian yang berkaitan.

*Confucius* - nama yang lebih biasa digunakan oleh mereka yang pembaca ataupun pengguna bahasa Inggeris.

Ajaran Kungfuziisme (*Confucianism*) ini merupakan ajaran utama Kung Tze, namun ajaran daripada Kung Tze dan juga Meng Tze merupakan ajaran Kungfuziisme yang sebelum Wangsa Chin (秦朝) iaitu 先秦儒學. Untuk keterangan yang lanjut boleh dirujuk kepada buku seperti 吳江 (1992) *中國封建社會形態略考 - 儒家學說述評* ataupun kajian-kajian sejarah yang berkaitan dengan ajaran Kungfuziisme.

Konsep *ren yi*, 仁義 akan diterangkan lagi dalam bab 3. Untuk melakukan rujukan lanjutan, sila rujuk kepada *Si Shu*, 四書, khususnya *The Analect* dan *Meng Tze*, 孟子.

**1.1.2 Peringkat merekabentuk penyelidikan termasuk pembentukan matlamat, objektif kajian, dan skop kajian.**

**1.1.2.1 Matlamat:**

Meninjau falsafah Meng Tze 孟子 terhadap perancangan secara umum dan penyertaan awam secara khusus supaya memberi satu perintis dalam penerokaan dan kajian tentang ahli falsafah Timur dalam memberi sumbangan kepada bidang pendidikan mahupun bidang perancangan.

**1.1.2.2 Objektif:**

Setelah tajuk kajian dan matlamat kajian dikenalpasti, objektif kajian pula dibentuk untuk memberi panduan serta menyediakan bidang kajian yang tertentu.

1. Mengkaji falsafah Meng Tze 孟子 khususnya dari segi *pentadbiran ren* 仁政<sup>9</sup> dan doktrin sifat manusia Meng Tze .
2. Mengkaji konsep penyertaan awam.
3. Meninjau hubungan antara falsafah Meng Tze dengan perancangan khususnya dari segi penyertaan awam.
4. Merumuskan kesesuaian falsafah Meng Tze dalam perancangan khususnya dari segi penyertaan awam.

### 1.1.2.3 Skop kajian:

Skop kajian merupakan aspek-aspek penyelidikan yang akan dikaji berkenaan dengan topik yang dipilih.

1. Keterangan tajuk
2. Perbincangan secara ringkas definisi perancangan.
3. Kupasan teori-teori tentang penyertaan awam.
4. Latar Belakang Meng Tze 孟子.
5. Pentadbiran ren dan doktrin sifat manusia Meng Tze khususnya daripada *Meng Tze* 孟子.<sup>10</sup>
6. Peninjauan konsep *min* 民<sup>11</sup> dalam buku *Meng Tze* dari segi maksudnya.
7. Perbincangan konsep “*min* 民” dalam falsafah Meng Tze serta istilah “awam” dalam konsep penyertaan awam.
8. Kaji dari segi hubungan antara mereka yang merancang dengan dirancang (mereka yang memerintah dengan mereka yang diperintah) dalam falsafah Meng Tze dan penyertaan awam.
9. Rumusan dan hasil penemuan disediakan.

---

Sebuah buku klasik Cina yang menceritakan pengalaman dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Meng Tze. Ia juga merupakan salah sebuah buku daripada *Si Shu*, 四書. (*The Four Books*) yang merupakan buku klasik Cina yang mengandungi ajaran Kungfuziisme. Ia terdiri daripada *The Great Learnings* (大學), *The Doctrine of the Means* (中庸), *Analects of Confucius* (論語) dan *The Works of Mencius* (孟子) iaitu *Meng Tze*. Boleh juga merujuk kepada lampiran untuk mengetahui serba sedikit tentang buku ini. Bagi makna *Meng Tze* yang membawa maksud buku ini akan diserongkan supaya membezakannya dengan kataan Meng Tze yang merupakan nama orang. Akan diterangkan dengan lebih lanjut dalam 4.

### 1.1.3 Peringkat Pengumpulan Data dan Maklumat

Dalam peringkat pengumpulan data ini, hanya data sekunder sahaja digunakan dalam penyelidikan ini. Data-data yang dikumpul ini semua adalah berkaitan dengan konsep penyertaan awam dan juga tentang ajaran Meng Tze 孟子 serta kajian yang berkaitan dengan Meng Tze. Dalam peringkat ini, data-data akan dikumpul dengan mendapat bahan daripada perpustakaan, internet, cakera padat *encyclopedia*, kedai buku, buku-buku koleksi individu, dan juga tempat-tempat lain yang berkemungkinan. Di sini, beberapa contoh tempat yang telah penyelidik kunjungi dan lawati adalah diberikan seperti berikut.

- i. Perpustakaan Utama I & II di Universiti Sains Malaysia. (USM)
- ii. Kedai-kedai buku seperti Popular<sup>12</sup>, MPH<sup>13</sup>, “Shang Wu” 商務書局<sup>14</sup>, “Ta Jiang 大將書局<sup>15</sup>” dan sebagainya sama ada di Pulau Pinang mahupun di Kuala Lumpur.
- iii. Pameran-pameran buku yang dianjurkan di Universiti Sains Malaysia, Prangin Mall<sup>16</sup> 福建會館 (Balai Persatuan Hokkien)<sup>17</sup> dan tempat-tempat yang lain.
- iv. Perpustakaan “Chinese Town Hall” Pulau Pinang 檳州華人大會堂圖書館

---

Merupakan sebuah kedai buku yang terdapat di merata-rata tempat di Malaysia dan juga di Singapura. Contoh cawangan-cawangan yang terdapat di Pulau Pinang adalah seperti di Bukit Jambul, Midland, Komtar, Prangin Mall, dan Megamal (Pasifik) di Seberang Perai.

Juga merupakan sebuah kedai buku yang agak masyhur di Malaysia. Contoh cawangan yang terdapat di Pulau Pinang adalah seperti di Gurney Plaza dan Gurney Tower. Manakala, terdapat juga cawangannya di Kuala Lumpur seperti di Mid Valley dan sebagainya.


Nama kedai buku yang terdapat di Pulau Piang sebelum 7 Sep 2002. Kini buku ini telah dipindahkan ke cawangan utama Kuala Lumpur.

Salah sebuah kedai buku di Kuala Lumpur.

Kompleks yang terletak di sebelah Komtar, Pulau Pinang.

Salah sebuah balai Persatuan Hokkien di Bukit Mertajam.

Data-data yang dikumpul ini kemudiannya dikategori dan diringkaskan seperti rajah 1.2 di bawah.



Rajah 1.2: Pengumpulan data-data yang berkaitan

Justeru, selepas pengklasifikasi data ini, proses pengumpulan data ini akan diteruskan kepada peringkat analisis data.

#### 1.1.4 Peringkat Analisis Data

Bagi penyelidikan ini, beberapa pendekatan telah digunakan walaupun bukan secara bulat-bulat ataupun keseluruhan. Pendekatan-pendekatan yang digunakan adalah seperti berikut:

##### 1. Pendekatan Teoritikal

Secara umumnya, penyelidikan ini merupakan penyelidikan ini teoritikal yang dikaji secara teoritikal dan konseptual. Tiada sebarang kajian tapak (*field study*) ataupun *survey* dijalankan. Namun, selain pendekatan teoritikal ini, beberapa pendekatan juga telah disentuh dalam penyelidikan ini seperti berikut:

## 2. Pendekatan Kualitatif

Penyelidikan ini tidak melibatkan data-data statistik ataupun dianalisis secara kuantitatif malah ia dianalisis secara kualitatif. Malah, kaedah analisis kandungan telah digunakan dalam penyelidikan ini. Justeru, hasil penemuan serta kesimpulannya adalah lebih kepada fahaman tersirat bersertakan peninjauan dan penilaian penyelidik.

## 3. Pendekatan Deskriptif

Pendekatan deskriptif juga banyak digunakan dalam penyelidikan ini untuk menerangkan dan meramalkan fenomena. Cara ini digunakan untuk memahami keadaan yang kabur, serta sebagai panduan untuk menjalankan kajian. Dalam pendekatan ini terdapat beberapa jenis kajian seperti berikut:

- i. Kajian Kes (*Case studies*)
- ii. *Surveys*
- iii. *Development studies*
- iv. *Follow studies*
- v. Analisis Dokumentari (*Documentary analyses*)
- vi. Analisis Tren (*Trend analyses*)
- vii. Kajian Kolerasi (*Correlation studies*)

Namun, jenis yang dipilih dan digunakan dalam penyelidikan ini adalah jenis yang kelima iaitu analisis dokumentari (*documentary analyses*) dan seringkali juga dirujuk kepada analisis kandungan (*content analyses*).

## 4. Pendekatan Perbandingan

Selain ketiga-tiga pendekatan yang diserapkan dalam penyelidikan ini, pendekatan perbandingan juga digunakan khususnya dalam bab 4. Pendekatan ini adalah merupakan

satu percubaaan untuk membina kenyataan dan menyimpulkannya dengan mengambilkira perkara-perkara yang lepas. Selain itu, hubungan antara pendekatan *ren* dalam falsafah Meng Tze 孟子 dengan konsep penyertaan awam juga dikaji dan terdapat juga perbandingannya antara persepsi Barat dengan persepsi Timur. Hal-hal ini adalah dilakukan dengan mengambilkira dan merujuk kepada fakta-fakta sejarah yang tercatat. Justeru, untuk memastikan maksud sebenar yang hendak disampaikan oleh Meng Tze, beberapa versi tentang *Meng Tze* telah dirujukkan, dibandingkan, dan ditafsirkan semula lagi untuk memastikan kebenaran khususnya dari segi penterjemahan dan penafsiran tentang ungkapan-ungkapan dalam *Meng Tze*.

Malah, data-data sekunder yang dikutip ini dianalisis dengan menggunakan analisis kandungan (*content analysis*).

Menurut Holsti, (1969), "*Content Analysis is any technique for making inferences by objectivity and systematically identifying specified characteristics of messages*"<sup>18</sup>


Analisis kandungan ini boleh dibuat daripada buku-buku, laporan-laporan, jurnal-jurnal dan apa-apa maklumat bertulis termasuk dari televisyen. Maklumat-maklumat ini dikategorikan mengikut kategori-kategori secara sistematik yang difikirkan sesuai oleh penyelidik. Analisis kandungan yang digunakan di sini meliputi cara tersirat sahaja. Namun, terdapat juga sesetengah data-data statistik dari sumber sekunder sebagai

---

dipetikkan daripada B. Chadwick, H.M Bahr dan S.T. Albrecht 1984, m/s. 239

sokongan bagi hasil penemuan dan rumusan analisis dalam kajian/penyelidikan ini misalnya istilah min dalam falsafah Meng Tze 孟子 dalam bab 4.

Justeru, ringkasan dan rumusan analisis dalam penyelidikan ini adalah dilakukan berdasarkan pembacaan, pemahaman serta penilaian kepada data-data yang dikumpul khususnya buku Meng Tze. Misalnya, pemikiran Meng Tze akan difahami dan dikaji seperti yang ditunjukkan dalam rajah 1.3.



Rajah 1.3: Cara analisis tentang pemikiran Meng Tze. 孟子

Namun, ingin dinyatakan buku *Meng Tze*. 孟子 merupakan bahan rujukan kajian utama dalam penyelidikan ini. Penafsiran tentang pemikiran Meng Tze memberi keutamaan kepada buku ini sebagai panduan utama selain kajian-kajian lain tentang Meng Tze.

Walau bagaimanapun, rujukan bahan-bahan sekunder lain turut akan dilakukan untuk mendalami dan mengenalpastikan kesahan dan kebolehpercayaan hasil penemuan analisis penyelidikan. Justeru itu, penyelidikan ini merupakan satu kajian tak setara.

#### **1.1.5 Peringkat Penemuan dan Persembahan Penyelidikan.**

Dalam peringkat ini hasil-hasil daripada kutipan data yang telah dianalisis akan memberi penemuan kepada kajian. Penemuan disimpulkan daripada analisis kandungan yang dilakukan.

Selepas itu, cadangan perancangan dikemukakan untuk mempertimbangkan aspek-aspek dalam falsafah Meng Tze 孟子 yang boleh diamalkan ataupun diserapkan ke dalam penyertaan awam perancangan pada masa kini. Hal ini akan disebarkan dalam bab 5 yang membincangkan kesesuaian falsafah Meng Tze dalam bidang penyertaan awam sebagai satu alternatif perancangan.

Akhir sekali, cadangan dikemukakan untuk membantu dalam penyelidikan-penyelidikan yang selanjutnya untuk dikaji kemudian hari.

### **1.2 Kandungan Kajian**

Dari keseluruhannya, kajian ini akan berdasarkan metodologi yang dinyatakan tersebut (rujuk rajah 1.1). Jadi, kajian ini telah dibahagikan kepada 6 bahagian seperti berikut:

Bab 1, merupakan pengenalan kepada topik kajian dan metodologi kajian termasuk sebab-sebab memilih topik ini, matlamat kajian, objektif kajian, skop kajian, pengutipan data, analisis data, hasil penemuan rangka kerja kajian serta batasan kajian.

Bab 2, merupakan bahagian teoritikal yang menerangkan takrifan perancangan serta konsep penyertaan awam secara am serta penyertaan awam di Malaysia.

Bab 3, merupakan penerangan tentang latar belakang Meng Tze 孟子 dan kaitan falsafah Meng Tze dengan perancangan secara umum.

Bab 4, merupakan analisis kajian dan juga penemuan penyelidikan kajian. Bab ini merupakan salah satu bahagian penting untuk kajian ini di mana analisis telah dijalankan antara perkaitan falsafah Meng Tze dengan konsep penyertaan awam.

Bab 5, merupakan perbincangan dan peninjauan atas kesesuaian falsafah Meng Tze dalam bidang penyertaan awam.

Bab 6, merupakan kesimpulan dan cadangan terhadap keseluruhan kajian serta berdasarkan analisis yang telah dijalankan sebelum ini. Cadangan kajian lanjutan berkaitan dengan topik juga akan disyorkan dalam bab ini.

### **1.3 Batasan Kajian**

Kajian ini telah menghadapi beberapa batasan di sepanjang masa menjalankan penyelidikan. Batasan-batasan ini termasuk,

1. Bahan rujukan yang dilakukan masih tidak mencukupi dalam menjalankan kajian tentang perkara-perkara sejarah dan tokoh yang lama. Jadi, analisis ini hanya dilakukan ke atas seberapa data sekunder yang telah dikumpul.
2. Bahan rujukan berkaitan dengan penyertaan awam juga agak terhad khususnya dalam bahasa Melayu.
3. Sumber atau data-data berkaitan dengan falsafah Meng Tze 孟子 kebanyakannya berkait rapat dengan sumberinggalan sejarah. Jadi, penyelidikan ini mesti dijalankan secara berhati-hati dengan mengambilkira kebenaran asas latar belakang sejarah supaya tidak membuat penafsiran yang kurang tepat. Tambahan pula, tokoh yang dikaji tidak mungkin hidup semula untuk membetulkannya.
4. Maksud tersirat kata-kata atau tulisan Meng Tze yang ditinggalkan kadang-kala sukar untuk dikenalpastikan secara muktamad. Hal ini disebabkan terdapat pelbagai pandangan dan juga tafsiran yang berbeza-beza daripada sarjana-sarjana yang berlainan. Justeru, kesimpulan yang dilakukan akan menjadi agak subjektif.
5. Kelemahan kemahiran penyelidik dalam memahami bahasa klasik China iaitu *wen yan wen* 文言文<sup>19</sup>, di mana catatan asal buku-buku klasik China ini termasuk Meng Tze adalah dalam bentuk bahasa klasik ini. Jadi, terpaksa penyelidik merujuk kepada penerangan yang telah dilakukan. Namun, untuk memastikannya maksud asal yang hendak disampaikan oleh Meng Tze ini tidak dipesongkan, beberapa rujukan terhadap Meng Tze telah dilakukan dan dibandingkan. Malah, tentang maksud yang kurang pasti, penyelidik pula rujuk kepada sama ada melalui *encyclopedia* China, kamus, catatan sejarah China, buku-buku klasik China yang lain dan sebagainya.

---

<sup>19</sup>Bahasa klasik yang digunakan dalam penulisan oleh orang Cina pada Zama Klasik China.

**bab 2**

**PENYERTAAN  
AWAM DALAM  
PERANCANGAN**

## Bab 2: Penyertaan Awam Dalam Perancangan

### 2.0 Pengenalan

Setelah metodologi penyelidikan dibincangkan dalam bab 1, maka bab ini akan membincangkan rangkakerja teoritis termasuk definisi perancangan bandar dan teori dan perkembangan konsep penyertaan awam. Manakala, satu rumusan akan dibuat di akhir bab ini.

### 2.1 Tafsiran Perancangan

Perancangan adalah satu termonologi yang agak rumit untuk didefinisikan. Biasanya, perancangan seringkali dikatakan sebagai satu kegiatan yang diamalkan secara meluas oleh individu dan kumpulan masyarakat. Ia merupakan satu proses di mana kebanyakan orang dewasa mengendalikan kehidupan harian mereka. Malah banyak daripada mereka mungkin tidak sedar bahawa mereka sebenarnya merupakan perancang yang baik dalam kehidupan mereka.

Menurut Cherry (1974), istilah perancangan bandar pertama sekali digunakan di Britain hanya pada tahun 1907 apabila ia digabungkan dalam "*Garden Cities and Town Planning Association*". Persatuan ini adalah ditubuhkan untuk menyebarkan idea kependudukan bandar yang dirancang khususnya mengikut visi Ebenezer Howard.

Secara sempit pula, perancangan sering ditakrifkan sebagai kegiatan untuk mengagihkan penggunaan tanah dan menentukan tapak bagi bangunan dan jalan pengangkutan, dengan tujuan untuk mencapai satu imbalan antara kesenangan, keindahan dan kos.

Perancangan juga difahami sebagai satu aktiviti menyediakan rancangan pembangunan untuk mengatur/menyusun dan mengawal penggunaan tanah dalam pembangunan bandar. Ia juga didefinisikan sebagai satu proses untuk mengenalpasti masalah-masalah yang wujud, mengesan tindakan masa hadapan yang bersesuaian untuk mencapai matlamat serta penyelesaiannya. Matlamat utamanya adalah untuk mewujudkan keadaan yang selesa serta meningkatkan kualiti hidup masyarakat. Justeru, biar kita meninjau definisi-definisi dari segi pandangan beberapa orang pujangga sebelum ini.

Menurut Peter Hall, perancangan berkaitan dengan pencapaian sesuatu objektif dengan sengaja, yang diikuti oleh susun atur dalam suatu jujukan yang bertertib.

Menurut Churchmann 1968 pula,

*"Planning is laying out of a course of action that we can follow and that take us to our derived goal"* .

Justeru, perancangan boleh dikatakan berkaitan dengan proses sesuatu tindakan atau langkah yang teratur untuk mencapai objektif-objektif yang telah dikenalpasti.

Menurut Richard Warren Smith dalam satu artikel dalam perdebatan *Policy Sciences*:

*"Rational planning is concerned with achieving specified goals by the most efficient means. The goals themselves are unquestioned and may be defined in very general terms of the 'good life' "* .<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Richard Warren Smith, A theoretical basis for participatory planning, *Policy Science* 4, 1973.

Pendapat Cherry (1970) pula berpendapat bahawa perancangan bertujuan untuk mewujudkan persekitaran fizikal yang harmoni dan selesa.

Bagi pendapat Keeble (1969) yang lebih kurang sama dengan pendapat Cherry, telah mendefinisikan bahawa perancangan merupakan sistem kesenian dan sains yang menyusun atur kegunaan tanah penempatan bangunan dan saluran-saluran komunikasi supaya dapat mencapai darjah ekonomi, keselesaan dan keindahan maksimum yang praktikal.

Justeru, didapati juga bahawa perancangan ini tidak dapat dipisahkan peningkatan kualiti hidup mahupun keselesaan dan juga kebahagiaan masyarakat yang sebagai matlamat utama perancangan.

Menurut Ratcliffe (1974), perancangan juga ditakrifkan sebagai kesenian dan sains untuk menentu dan meramalkan perubahan ekonomi, sosial, politik dan fizikal.

Menurut beliau juga perancangan merupakan:

1. Satu gabungan tujuan sosial dengan tujuan ekonomi untuk objektif-objektif awam dan swasta.
2. Peruntukan tanah untuk mencapai kecekapan maksimum dan pada waktu yang sama tidak mengabaikan keadaan alam sekitar serta kebajikan masyarakat di tempat tersebut.

Ratcliffe juga berpendapat bahawa proses perancangan meliputi beberapa aspek antaranya ialah untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang mengelirukan, merupakan

punca kuasa politik untuk membuat sebarang perubahan, teknik pembentukan yang berterusan terhadap perubahan masyarakat dan organisasi yang mempunyai penjelasan terhadap sesuatu tujuan.

Pendapat Ratcliffe disokong oleh Bruton and Nicholson (1987), bahawa untuk memahami perancangan dan proses perancangan, penekanan perlu diberi kepada:

1. Pertalian di antara perancangan gunatanah dan konteks dasar sosio-ekonomi yang meluas.
2. Masalah perancangan bandar yang rumit.
3. Prinsip-prinsip perancangan strategik.
4. Perancangan sebagai asas untuk perubahan.
5. Pertimbangan dan konflik kepentingan di dalam proses perancangan.

Jadi, perancangan juga boleh dikatakan sebagai aktiviti untuk mengenalpasti masalah dan masalah ini akan cuba diatasi dengan membuat beberapa perubahan dengan sokongan sistem politik. Manakala beberapa ciri-ciri dalam definisi perancangan boleh disimpulkan daripada beberapa orang pujangga perancangan tersebut dalam jadual 2.1 di bawah.

Jadi, pendek kata, matlamat utama perancangan adalah untuk mencapai kualiti hidup yang lebih baik. Malah, ingin diingatkan bahawa perancangan merupakan sesuatu yang berterusan, kekal dan memainkan peranan penting dalam kehidupan harian masyarakat umum.

Namun, dalam sesuatu perancangan, untuk siapakah perancangan dibuat? Bukankah ia tidak dapat dipisahkan daripada penglibatan masyarakat sama ada secara individu,

kumpulan, pihak swasta ataupun badan bukan kerajaan. Justeru, penyertaan awam telah kian dititikberatkan dan disedarkan kepentingannya dalam bidang perancangan. Jadi, biarlah asal usul penyertaan awam dan teorinya ditinjau terlebih dahulu.

## **2.2 Asal Usul Penyertaan Awam**

Sebenarnya konsep penyertaan awam sudah wujud lama dalam kalangan dunia kita ketika wujudnya konsep demokrasi dan juga istilah perancangan. Namun, ia tidak dinyatakan atau ditekankan secara rasmi sebelum ini. Jenis penyertaan awam ini adalah dilakukan secara peribadi dan tidak mempunyai pelaksanaan seranta ataupun aktiviti-aktiviti yang formal/rasmi dalam menggalakkan penyertaan awam ini. Contohnya, penglibatan rakyat dalam pilihanraya calon ketika pilihanraya ataupun menyuarakan pendapat mereka melalui media massa dan sebagainya. Namun, selepas beberapa insiden yang berlaku di Amerika Syarikat serta Britain, penyertaan awam ini telah mula diberi penekanan/diperkenalkan secara formal/rasmi. Sehubungan itu penyertaan awam telah menjadi suatu subjek sejarah yang tersendiri dalam menentukan corak masyarakat. Kewujudan penyertaan awam adalah akibat daripada kegagalan penyelarasan masalah-masalah sosial dan ekonomi secara rasmi. Jadi penyertaan awam telah menjadi isu utama yang sentiasa ditimbulkan melalui perang dan revolusi.

Sebagai contoh, pada awal tahun 1960-an, evolusi penyertaan awam di Amerika Syarikat telah berlaku. Hal ini adalah yang berpunca daripada diskriminasi bangsa dan kekayaan. Permintaan orang ramai pembaikan terhadap perkhidmatan awam di peringkat awal telah menunjukkan penyertaan awam yang akhirnya menjadi suatu aliran bentuk, rangka dan kaedah perlakuan penyertaan awam masa kini. Di samping itu, hubungan yang lemah antara kerajaan dan rakyat telah mengagalkan tindakan kerajaan terhadap bantahan-

bantahan kelemahan perkhidmatan serta pergaduhan dalam perbezaan kelas masyarakat terutamanya golongan kulit hitam yang berpendapatan rendah, dalam menentang birokrasi kulit putih. Keadaan ini menyebabkan sistem perancangan dan perkhidmatan di kawasan kulit hitam diuruskan oleh orang kulit hitam sendiri... *that black people should solve black people ' s problems in black neighbourhoods*. Malah, pada waktu yang sama pembangunan-pembangunan dilaksanakan, daripada sokongan dan bantuan oleh kerajaan untuk kelas pertengahan kulit putih sahaja. Akibatnya, wujud dua set keadaan sosial yang berbeza wujud dalam perkembangan penerimaan dan permintaan untuk meningkatkan penyertaan awam menerusi desentralisasi kerajaan jiran desa. Di Britain pula, kewujudan penyertaan awam kebanyakannya berpunca daripada aspirasi kejayaan penyertaan awam di Amerika Syarikat. Pada tahun 1967, satu jawatankuasa telah ditubuhkan untuk menentukan kaedah bagaimana penyertaan awam boleh melibatkan diri dalam proses perancangan, sebagai refleksi terhadap keperluan menentukan masa depan mereka. Daripada sinilah timbulnya seperti *The Future of Development Plan* serta *Town and Country Planning Act 1968*.<sup>2</sup> Walau bagaimanapun, kewujudan penyertaan awam secara amnya didorong oleh beberapa aspek yang dirumuskan seperti yang ditunjukkan dalam jadual 2.1.

**Jadual 2.1: Aspek-aspek yang menggalakkan kewujudan penyertaan awam**

Aspek-aspek	Ringkasan Penerangan
1. Demokrasi	(persekitaran ataupun suasana)
2. Hak Asasi ataupun hak rakyat	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ menuntut kebahagiaan</li> <li>▪ menentukan corak masyarakat.</li> <li>▪ menuntut keadilan</li> </ul>
3. Hubungan antara merancang dengan yang dirancang.	Kegagalan penyelarasan. Konflik antara pihak yang merancang dengan pihak yang dirancang.

Untuk keterangan yang lebih lanjut sila rujuk Kamarudin Ngah, *Pengenalan Penyertaan Awam*, m/s 3-4

## 2.3 Teori dan Tanggapan Penyertaan Awam

### 2.3.1 Takrifan penyertaan awam

Penyertaan awam dalam proses perancangan bandar biasanya dilihat sebagai penglibatan rakyat umum dalam pembentukan polisi dan strategi yang akan mempengaruhi pembangunan kawasan bandar. Hal ini akan memastikan rancangan pembangunan bandar adalah bersesuaian dengan kehendak/kemahuan rakyat dan memastikan darjah pematuhan awam yang tinggi terhadap rancangan tersebut. Terdapat beberapa teori menyentuh tentang takrifan penyertaan awam.

Menurut laporan Skeffington (1969), telah menakrifkan penyertaan seperti berikut

*“as the act of sharing and that: ...there will be full participation only when the public are able to take an active part throughout the plan-making process”* .<sup>3</sup>

Berdasarkan laporan Skeffington ini, sebanyak 9 cadangan (*recommendations*) telah dinyatakan dalam mengambilkira kesedaran terhadap penglibatan awam dalam proses perancangan iaitu:-

- i. Pihak awam harus diberitahu.
- ii. Maklumat atas peluang untuk penyertaan awam harus senang diperoleh ataupun senang dilakukan.
- iii. Penyertaan awam harus ditumpukan ke atas perbincangan pilihan dan juga persembahan kertas cadangan (*proposal*) pihak berkuasa tempatan.
- iv. Forum komuniti harus dibentuk untuk organisasi/pertubuhan tempatan berpeluang untuk berbincang bersama.

---

Laporan Skeffington (1969), para. 5(a).

- v. Kertas Cadangan harus diumumkan secara nyata di tempat ataupun kawasan yang berkenaan.
- vi. Pegawai pembangunan komuniti harus ditugaskan untuk menjamin ataupun memastikan penglibatan mereka yang tidak menyertai organisasi/pertubuhan.
- vii. Pihak awam harus digalakkan untuk membantu dalam proses perancangan. Misalnya menjalankan *survey*.
- viii. Pendidikan yang lebih baik tentang perancangan harus disalurkan sama ada di sekolah mahupun komuniti awam secara luas.

Menurut Lomas (1996) "penyertaan awam ialah melahirkan perasaan secara sukarela. Sekiranya mendatangkan kebaikan membina dan positif, seharusnya mereka melibatkan diri dalam sebarang bidang yang diminati seperti hal berkaitan dengan negeri, sosial, ekonomi atau apa sahaja yang didorongkan oleh negeri, sosial, ekonomi atau apa sahaja yang didorongkan oleh perasaan kemanusiaan yang dinamik. Ia boleh terbentuk daripada hasrat untuk bekerjasama bagi menyelesaikan sesuatu secara positif di samping keperluan untuk bertemu"

Grove dan Procter (1966) melihat penyertaan awam sebagai penglibatan aktif orang ramai dan pihak berkuasa perancangan dalam menganalisis masalah persekitaran mereka sendiri serta merangka dan melaksanakan penyelesaian masalah tersebut.

Arstein (1969) pula, melihat penyertaan awam sebagai suatu istilah kategori untuk kuasa rakyat, mereka yang berharta boleh menggesa perubahan sosial yang berkesan supaya membolehkan mereka berkongsi keuntungan-keuntungan daripada masyarakat mewah.

Manakala dalam laporan "*People and Planning*" oleh "*Department of the Environment, Scottish* (1969), penyertaan awam didefinisikan sebagai tindakan perkongsian dalam pembentukan polisi dan cadangan. Ia melibatkan "*doing as well as talking*" dan penyertaan sepenuhnya terjadi apabila awam dibenarkan mengambil bahagian yang aktif dalam proses perancangan.

Tanggapan penyertaan klasik pula, Pateman (1970) telah membahagikannya kepada tiga peringkat seperti berikut:

- i. Tanggapan oleh Jean Jacques Rousseau yang telah digelar "*par excellence*" penyertaan. Teori politik beliau jika dilihat daripada buku "*The Social Contract*" menekankan peranan penyertaan individu dalam membuat keputusan politik. Bagi Rousseau, penyertaan ialah:
  - a. Penyertaan awam yang sepenuhnya dalam membuat keputusan.
  - b. Ia merupakan satu cara untuk menjaga hak-hak persendirian dan untuk menentukan pemerintahan yang baik.
- ii. Tanggapan penyertaan klasik daripada John Stuart Mill mempunyai interpretasi yang berlainan berbanding dengan Rousseau yang beranggapan kewujudan kesamaan politik akan menjadikan penyertaan lebih berkesan. Bagi Mill, penyertaan bermakna bahawa wakil-wakil terpilih hanya perlu melibatkan diri mereka dalam perbincangan, manakala kerja membuat undang-undang perlu ditugaskan kepada sebuah pesuruhjaya yang dilantik oleh raja.
- iii. Tanggapan penyertaan klasik ialah oleh George Cole, yang teori sosial dan politik Cole berasaskan kepada kenyataan Rousseau bahawa tekad (*will*) dan bukan paksaan (*force*) merupakan asas pegangan organisasi sosial dan politik.

Justeru, ciri-ciri penyertaan awam dapat dirumuskan seperti jadual 2.2 di bawah.

Jadual 2.2: Ciri-ciri penyertaan awam


	Awam	Perkongsian Kuasa (kesamaan politik)	Kuasa Rakyat	Kerjasama (Hubungan)	Lain-lain
Laporan Skeffington	√	√	√	√	Satu tindakan
Lomas	√			√	Secara sukarela
Grove dan Procter	√			√	Penglibatan aktif
Arstein	√	√	√	√	Dibahagikan kepada 3 jenis. (merujuk kepada jadual 2.3)
Scottish	√	√	√	√	Satu tindakan
Carole Pateman	√	√	√	√	Dibahagikan kepada 2 jenis (merujuk kepada jadual 2.3)
<b>Pandangan Klasik</b>					
Rousseau	√	√	√		hak persendirian menentukan pemerintahan yang baik
John Stuart Mill				√	Hanya berlaku ke atas wakil-wakil terpilih. Kerja membuat undang-undang ditugaskan kepada sebuah pesuruhjaya yang dilantik oleh raja
George Cole					Sukarela ataupun secara rela hati tetapi bukan paksaan. ( <i>will but not force</i> )

Sumber: Dikategorikan oleh penyelidik dari pelbagai sumber tentang tafsiran penyertaan awam

### 2.3.2 Jenis dan Tahap Penyertaan Awam

Selepas, tafsiran penyertaan awam dan maksud awam diterangkan secara umum, didapati juga penyertaan awam juga dibahagikan kepada beberapa jenis mengikut tahap ataupun darjah penyertaannya.

Menurut model Arnstein, beliau telah membahagikan struktur penyertaan awam kepada tiga jenis yang dikategorikan kepada 8 aras seperti rajah 2.1 di bawah.



Sumber: Diubahsuai daripada Arstein (1969). "A Ladder of citizen Participation", dalam *Journal of American Institute of Planners*.

Rajah 2.1 Darjah Penyertaan Awam Arnstein

i. Tiada penyertaan awam (*non participation*)

Pada tahap ini mengandungi dua aras iaitu manipulasi (*manipulation*) dan terapi (*therapy*) yang merupakan tahap paling bawah. Tahap ini dianggap sebagai tiada berlakunya penyertaan awam. Hal ini disebabkan matlamat utama tahap ini adalah untuk membolehkan pemegang kuasa mempengaruhi masyarakat supaya sentiasa menurut dan menerima pendapat serta pandangan mereka. Selain itu, masyarakat hanya sekadar diberitahu tentang sesuatu perbincangan dan maklum balas daripada mereka tidak diperlukan langsung.

ii. Darjah *tokenisme*

Jenis penyertaan awam ini pula, penyertaan yang sebenarnya mula berlaku. Ia memberikan peluang masyarakat bersuara dan mendengar. Akan tetapi suara ini semata-mata memenuhi syarat sahaja, sedangkan kuasa keputusan adalah di luar bidang kuasa mereka.. Tahap ini lebih bercorak kepada peringkat yang memberi peluang kepada masyarakat meluahkan perasaan berbanding mengizinkan mereka dalam membuat keputusan.

Terdapat tiga aras dalam peringkat ini iaitu "memaklumkan", "perundingan" dan "menenangkan". Aras "memaklumkan" dan "perundingan" membolehkan orang ramai mengetahui tindakan pihak berkuasa perancang tempatan dan memberi pendapat tentang cadangan yang dibentangkan. Aras "menenangkan" membolehkan awam memberi nasihat tetapi keputusan muktamad masih lagi ditentukan oleh pihak berkuasa perancang tempatan.

iii. Darjah-darjah kuasa rakyat

Tahap-tahap yang termasuk dalam kategori ini ialah "perkongsian", "kuasa perwakilan" dan "kawalan rakyat". Aras "perkongsian" membolehkan awam berunding dan bertolak ansur dengan pihak berkuasa perancangan tempatan. Pada tahap ini, orang ramai mempunyai kuasa majoriti dalam mengambil keputusan dan pengurusan pada aras "kuasa perwakilan" dan "kawalan rakyat". Di sinilah penyertaan awam yang penuh akan berlaku di mana kuasa benar-benar diagihkan melalui perundingan. Selain itu, masyarakat sentiasa diberi kuasa untuk menentukan tahap penyertaan mereka. Umumnya mereka turut mempengaruhi pembuat keputusan. Tahap "kawalan rakyat" adalah dianggap tahap penyertaan penuh. Justeru, di tahap inilah orang ramai/masyarakat berpeluang mempengaruhi keputusan perancangan dan keberkesanan penyertaan awam.

Arnstein percaya tanpa penyebaran kuasa penyertaan awam, suatu "kekosongan peraturan" (*empty ritual*) dan proses kekecewaan akan berlaku. Untuk pembentukan semula sosial, rakyat mestilah berhubung di tahap aktiviti tinggi dalam tangga penyertaan dan bukan hanya di tahap aktiviti bawahan.

Menurut Carole Pateman (1970), terdapat dua jenis penyertaan, iaitu,

- i. Penyertaan "sebahagian" merupakan satu proses dua atau lebih pihak saling mempengaruhi dalam membuat rancangan, polisis atau keputusan. Ia terhad kepada keputusan-keputusan yang mempunyai kesan masa depan terhadap semua yang membuat keputusan dan golongan rakyat yang diwakili oleh mereka. Jelas di sini penyertaan awam tidak mempunyai pengaruh kerana keputusan akhir terletak di tangan pembuat polis/keputusan.

- ii. Penyertaan "penuh" pula ialah suatu proses setiap ahli individu mempunyai kuasa yang sama dalam membuat keputusan. Oleh itu penyertaan "sebahagian" dan "penuh" dalam konteks di atas merujuk kepada apa yang dipanggil oleh Arnstein (1968) sebagai "darjah *tokenisme*" dan "darjah-darjah kuasa rakyat" .

Dennis (1972) telah mengklasifikasikan darjah penyertaan kepada beberapa jenis seperti di bawah:

- i. Penyertaan sebagai penerimaan faedah

Penyertaan awam ini boleh dianggapkan sebagai tahap tiada penyertaan awam dalam tangga penyertaan awam Arnstein. Hal ini disebabkan penyertaan yang dimaksudkan merupakan penerimaan terakhir orang ramai terhadap sebarang tindakan pihak berkuasa tempatan. Selain itu, orang awam dilihat sebagai tidak mampu meluahkan pendapat dan penyertaan hanya berlaku terhadap dasar kebajikan.

- ii. Penyertaan sebagai pelaksanaan tugas

Di sini, penyertaan awam ini lebih berciri kebajikan berbanding dengan perancangan sebenar. Ia lebih dilihat sebagai penyertaan awam sama ada bekerja secara sukarela atau dibayar gaji, di bawah kawalan dan panduan agensi-agensi kerajaan. Laporan *Skeffington* (1969) telah mencadangkan bagaimana orang ramai boleh memberi sumbangan kepada proses membuat keputusan melalui tugas-tugas yang tidak dibayar gaji seperti menyusun perjumpaan, pameran-pameran, penyebaran bahan dan membantu kerja-kerja bancian.

iii. Penyertaan sebagai penyelesaian kepada organisasi menentang

Penyertaan ini terjadi ketika membuat sesuatu keputusan di mana terdapat dua kumpulan yang bertentangan pendapat iaitu menyokong dan menentang. Dalam hal ini, penyertaan dilihat sebagai kaedah kawalan dan penyelesaian terhadap aktiviti yang bertentangan.

iv. Penyertaan sebagai kesedaran kepada permintaan pengguna

Dalam penyertaan ini, pengguna (*consumer*) selalunya diberi peluang dari semasa ke semasa sehingga berpuas hati terhadap sesuatu keputusan. Penyertaan ini dilihat sebagai "pasaran penyelidikan" oleh mereka yang bertanggungjawab dalam perancangan. Dengan cara ini penilaian kembali daripada para pelanggan terhadap sebarang cadangan boleh dibuat dan cadangan-cadangan baru dan nasihat-nasihat berguna boleh dipertimbangkan.

Selain Arstein, Carole Pateman dan Dennis yang mengklasifikasikan tahap penyertaan awam, terdapat juga beberapa orang ahli pujangga lain seperti Cox, Baric yang juga membahagikan tahap penyertaan kepada beberapa jenis penyertaan awam. Perkara ini juga boleh dirujuk kepada jadual 2.3 yang sebagai ringkasannya.

Walaupun bagaimanapun, walaupun terdapat berbagai-bagai jenis bagi tahap penyertaan awam ini telah diklasifikasikan, namun darjah yang dinyatakan dalam klasifikasi jenis penyertaan awam ini adalah lebih kurang sama maksudnya seperti tahap yang dinyatakan dalam tangga penyertaan Arstein. Justeru, yang berbezanya hanya dari segi penggunaan nama-nama yang berlainan sahaja.

Jadual 2.3: Jenis Penyertaan Awam yang dikategorikan oleh para pujangga

	Jenis/ Tahap
Carole Pateman (1970)	Dua jenis i. Penyertaan sebahagian ii. Penyertaan penuh
Arstein (1969)	Tiga jenis i. Tiada penyertaan ii. Darjah Tokenism iii. Darjah Kuasa Rakyat
Dennis (1972)	4 jenis i. Penyertaan sebagai penerimaan faedah ii. Penyertaan sebagai pelaksanaan tugas iii. Penyertaan sebagai penyelarasan kepada organisasi menentang iv. Penyertaan sebagai kesedaran kepada permintaan pengguna.
Cox (1976)	2 jenis i. Penyertaan awam berorientasikan minat. Penyertaan ini dilihat sebagai peringkat asas ( <i>grassroot</i> ) yang diambil dengan daya usaha orang ramai sendiri. ii. Penyertaan awam kooperatif Penyertaan ini melibatkan kerjasama antara pihak berkuasa perancang tempatan dengan orang ramai. Maklumat-maklumat ataupun penerangan tentang sebarang cadangan pembangunan akan dimaklumkan oleh pihak berkuasa dan orang ramai pula boleh menyumbangkan cadangan-cadangan mereka yang bersesuaian dengan strategi keseluruhan.
Baric (1920)	Dua jenis i. Penyertaan Didorong Jenis penyertaan awam ini menggalakkan orang awam digalakkan menerima cadangan-cadangan pembangunan yang telah disediakan. Orang awam tidak mempunyai kuasa dalam mempengaruhi sebarang cadangan pembangunan yang telah dibuat. ii. Penyertaan Indikatif Penyertaan ini memberi peluang kepada orang awam menyuarakan pendapat bagi menyediakan petunjuk dan arahan yang akan digunakan dalam menentukan matlamat dan andaian-andaian perancangan.

Sumber: Dirumuskan daripada jenis penyertaan awam daripada pelbagai sumber

### 2.3.3 Peranan/Matlamat Penyertaan Awam

Dalam tanggapan klasik dalam teori Rousseau telah merumuskan peranan penyertaan dibahagikan kepada dua aspek iaitu:

- a. Penyertaan telah mendidik seseorang individu membezakan antara hasrat dan dorongan dalam membuat keputusan; belajar menjadi seorang rakyat awam dan individu.
- b. Wujudnya kaitan yang rapat antara penyertaan dan kawalan dan ini terikat kepada tanggapan konsep kebebasan Rousseau.

Manakala, Alterman (1982) telah menyenaraikan enam matlamat utama penyertaan awam iaitu seperti jadual 2.4 di bawah ini.

**Jadual 2.4: Matlamat penyertaan awam oleh Alterman**

Matlamat	Penerangan	Objektif
Mempertingkatkan nilai demokratik.	Permintaan daripada orang ramai untuk turut menyertai dalam penggubalan polisi akan semakin ketara.	
Mencapai perancangan yang lebih baik bagi memenuhi keperluan kumpulan-kumpulan berlainan.	Dalam dunia realiti, mesti terdapat beberapa kumpulan yang berlainan dalam sesebuah masyarakat. Kehendak dan keperluan mereka adalah berbeza-beza dan mungkin saling bertentangan. Melalui penglibatan semua orang daripada semua kumpulan dalam proses perancangan, keputusan perancangan akan lebih mewakili keseluruhan mereka.	<ol style="list-style-type: none"> <li>a. penglibatan orang ramai dalam proses perancangan.</li> <li>b. mengetahui kemahuan dan keperluan orang ramai.</li> <li>c. menyelaraskan perancangan menurut keperluan orang ramai dan mencapai kualiti kehidupan yang lebih baik.</li> </ol>

Lanjutan ke muka surat 2-18

Jadual 2.4, sambungan

Matlamat	Penerangan	Objektif
Memberikan pendidikan kepada orang ramai.	Hal ini telah ditegaskan dalam Laporan <i>Skeffington</i> (1969). Pendidikan harus diberikan kepada orang ramai supaya memahami dan menghormati matlamat yang cuba dicapai menerusi proses perancangan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Mendidik orang ramai tentang proses perancangan.</li> <li>b. Mendidik orang ramai tentang keperluan bertolak ansur mempertimbangkan kekangan (<i>constrain</i>).</li> <li>c. Membangkitkan kesedaran alam sekitar.</li> <li>d. Mendidik orang ramai tentang idea-idea dan pemahaman ahli-ahli perancang.</li> </ul>
Membolehkan perubahan sosial/personal ( <i>two process</i> ).	Menurut Hampton (1977), juga menekankan matlamat ini iaitu perhubungan rapat antara pihak berkuasa perancang tempatan dan orang ramai. Beliau menjelaskan... <i>"giving the public the opportunities to participate in the formative stage will, when handle with the skill and understanding not only make the plan a better plan, but also do much to improve relationship between the planning authorities and public. Participation is a two-way process."</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Meningkatkan tahap kerjasama antara pelbagai golongan komuniti.</li> <li>b. Meningkatkan perasaan saling mempercayai antara pihak berkuasa perancang tempatan dengan orang ramai.</li> <li>c. Menggalakkan kesabaran dan kesediaan menerima pandangan yang berlainan.</li> <li>d. Mendapatkan sokongan/pengesahan dan mengelakkan bangkangan terhadap proses perancangan.</li> </ul>
Menggalakkan perubahan politik.	Dalam jangka panjang, matlamat penyertaan awam ialah untuk menggalakkan satu proses politik yang lebih terbuka. Untuk mencapai matlamat ini.	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Menggalakkan orang ramai bertanggungjawab kepada perancangan masa depan mereka.</li> <li>b. Meningkatkan kesedaran tentang konflik minat yang asas dalam masyarakat.</li> </ul>

Sumber: Dirumuskan daripada matlamat awam daripada pandangan Alterman

Namun, satu persoalan yang sering ditimbulkan ialah konsep awam itu sendiri (Reynolds, 1969). Adakah istilah "awam" bermakna semua orang dalam masyarakat sebagai individu atau cuma mereka yang merupakan ahli-ahli kumpulan pendesak? Begitu juga adakah "penyertaan" bertujuan mencapai kebajikan umum atau bersifat kepentingan ataupun minat diri sendiri?

Menurut Cullingworth (1985), dalam bukunya "*Town and Country Planning in Britain*" yang telah menekankan kepentingan penyertaan awam dalam sistem rancangan struktur. Menurut beliau,

... *Citizen participation is more than a desirable feature to the new system (of planning) it is an essential feature. If citizen participation fails, so will the system.*

Maksud awam telah didefinisikan oleh *Skeffington Committee* sebagai '*an aggregate comprising all individuals and groups... without limitation*' .<sup>4</sup>

Dalam konteks Malaysia, maksud awam ini dirujuk kepada semua orang dalam masyarakat sebagai individu/orang perseorangan untuk melibatkan diri dalam perancangan. Manakala, di British pula, "awam" ini dimaksudkan kepada golongan *major elites*, *minor elites*, individu ataupun sekumpulan individu.

Jadi, secara umum, istilah awam yang dimaksudkan sepatutnya merujuk kepada semua orang ataupun penduduk ataupun rakyat yang mungkin terdiri daripada mereka yang sebagai perseorangan ataupun kumpulan.

Pendek kata, penyertaan awam sebenarnya merupakan satu proses politikal yang rumit.<sup>5</sup> Ia tidak dapat dilakukan hanya disebabkan ia termaktub dalam perundangan ataupun akta. Mahupun sekiranya perancang telah menggunakan masa yang sesuai serta usaha yang cukup untuk menggalakkan penyertaan awam juga tidak semestinya menjamin keberkesanannya ataupun tercapai matlamatnya. Namun, secara ringkas, rumusan yang pengkaji buat tentang penyertaan awam adalah seperti berikut.

Penyertaan Awam = (Pihak yang merancang + pihak yang dirancang) dalam meningkatkan kualiti hidup masyarakat. (untuk menjamin hala tujuan pembangunan mereka pada masa depan). Hal ini juga bermaksud pembangunan merupakan tanggungjawab bersama antara mereka yang merancang dengan yang dirancang.

#### 2.4 Penyertaan Awam Di Malaysia

Di Malaysia, pengamalan yang membenarkan rakyat (pihak awam) menyumbang ataupun melibatkan diri dalam pembentukan rancangan bandar boleh dikatakan seumur dengan pengenalan perancangan di negara ini.

Penyertaan awam di Malaysia boleh dilihat sebagai dua aspek utama iaitu melalui Akta 172 serta Agenda 21 Tempatan (*Local Agenda 21*) yang terlibat secara langsung di beberapa kawasan seperti Majlis Perbandaran Miri, Majlis Perbandaran Petaling Jaya, Majlis Daerah Kerian dan Majlis Perbandaran Kuantan.

Sebelum itu, biar kita meninjau balik dulu kewujudan penyertaan awam di negara kita. Penyertaan awam boleh dikatakan seumur dengan kewujudan perancangan di

---

John Ban Lee. (1991). *Urban Planning in Malaysia. History, Assumptions and Issues*. Selangor:

negara kita. Hal ini dapat diperlihatkan melalui perundangan perancangan yang ada di Malaysia dari dulu hingga kini.

#### 2.4.1 Penyertaan Awam Dalam Akta Perancangan

##### Enakmen Lembaga Bandaran Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1927

Enakmen ini merupakan perundangan perancangan bandar yang pertama di negara ini terkandung. Enakmen ini digunakan oleh semua Lembaga Bandaran dalam Negeri-Negeri Melayu Bersekutu<sup>6</sup> dan diperkenalkan semenjak 1930. Enakmen ini telah menawarkan peluang penglibatan awam seperti yang termaktub dalam Bahagian IX, di bawah tajuk "merancang bandar", yang berkaitan dari segi perancangan kawasan seperti yang ditunjukkan dalam jadual 2.5.

**Jadual 2.5: Penyertaan Awam Dalam Bahagian IX, Enakmen Lembaga Bandaran Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1927**

Seksyen	Perkara
Seksyen 135	Pihak Lembaga hendaklah menyediakan pelan-pelan apabila enakmen diterima dan diwartakan.
Seksyen 137.	Menurut apabila rangka pelan siap, lembaga hendaklah membenarkan orang yang terlibat memeriksa pelan tersebut dalam tempoh 3 bulan. Ketika ini lembaga perlu memberikan publisiti supaya tempat dan pelan boleh diperiksa.
Seksyen 138	Bantahan dan pandangan boleh dibuat secara bertulis kepada Pengerusi Lembaga.
Seksyen 140 (v) & (vi).	Pelan bandar yang diluluskan perlu dipamerkan untuk pemeriksaan umum dan boleh dibeli.

Sumber: Merujuk kepada Kamarudin Ngah. *Pengenalan Penyertaan Awam*.

Perutukan perundangan perancangan ini terus berkuat kuasa sehinggalah pada tahun 1973, Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur telah menggunakan akta sendiri, iaitu Akta 107, Akta (Perancangan) Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur, 1973. Perutukan penyertaan awam dalam akta ini boleh dilihat seperti jadual 2.6 di bawah:

**Jadual 2.6: Penyertaan Awam Dalam Akta 107**

Pelan	Penerangan
Pelan Pembangunan Lengkap	Pelan-pelan ini boleh diperiksa dan salinan-salinan boleh dibeli. Namun, pada peringkat ini, masih belum boleh membuat sebarang bantahan.
Pelan Susun Atur <sup>7</sup>	Menurut seksyen 7, apabila tanah hendak dimajukan ia perlu dikemukakan kepada Datuk Bandar dan dalam tempoh 30 hari pelan susun atur dikemukakan. Dalam tempoh tidak lewat daripada 2 minggu dari tarikh penerimaan pelan susun atur, notis awam diwartakan dan orang ramai boleh memeriksa dan membuat bantahan dalam tempoh 2 minggu. Jika tiada bantahan, penerimaan pelan akan diwartakan dalam Warta Kerajaan. Jika ada, Datuk Bandar akan memanggil sesiapa yang terlibat untuk mendengar bantahan. Selepas mendengar bantahan terakhir dalam tempoh 30 hari, Datuk Bandar berkuasa menerima atau menolak sebarang pindaan.
Pelan Pembangunan Sementara	Dalam tempoh 5 tahun sekali selepas akta mula dikuatkuasakan atau dalam masa yang lebih singkat, pihak bandar raya perlu membuat pemeriksaan dan kajian semula terhadap pelan pembangunan yang ada jika diarah oleh menteri Menurut seksyen 8 dan 9, jika terdapat sebarang perubahan, rundingan akan dibuat antara Datuk Bandar dan menteri untuk menyediakan pelan pembangunan. Setelah dikemukakan kepada menteri, dalam tempoh tidak lewat dari 2 minggu ia diwartakan dan bantahan boleh dibuat selama tidak kurang dari sebulan dari tarikh diwartakan. Menurut seksyen 11, bantahan akan dipertimbangkan oleh jawatankuasa yang dilantik oleh menteri. <sup>8</sup>

Sumber: Merujuk kepada Kamarudin Ngah, *Pengenalan Penyertaan Awam*.

elan ini menunjukkan butiran kemajuan sesuatu tapak atau kawasan tanah hendak dilaksanakan oleh na-mana pihak.

ntuk keterangan lanjut, sila rujuk Kamarudin Ngah, *Pengenalan Penyertaan Awam*, Bab 4: rundangan Perundangan Terhadap Penyertaan Awam, m/s 29.)

Seterusnya, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) telah diperkenalkan pada 1976 sebagai menggantikan Enakmen Lembaga Bandaran, 'Cap 137', dengan tujuan untuk mengadakan keseragaman undang-undang serta kawalan dan peraturan yang sempurna bagi perancangan bandar dan desa dalam kawasan-kawasan pihak berkuasa tempatan dalam negeri-negeri Semenanjung Malaysia, kecuali Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pengenalan kepada Akta 172 ini telah memulakan satu era baru dalam sistem perancangan di Malaysia. Ia merupakan suatu rangka kerja perundangan untuk perancangan dan kawalan pembangunan di Semenanjung Malaysia kecuali Wilayah Persekutuan. Sebelum ini, pihak awam hanya dibenarkan terlibat selepas draf rancangan telah siap disediakan. Malah, penyertaan awam ini dihadkan bantahannya kepada cadangan yang telah dilakukan oleh para perancang.

Justeru, selaras dengan sistem ini, penyertaan awam merupakan satu mandatori dalam proses penyediaan rancangan pemajuan<sup>9</sup>. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 memperuntukkan setiap pihak berkuasa perancangan tempatan yang sedang menyediakan rancangan struktur hendaklah mengadakan elemen penyertaan awam ke dalam proses tersebut. Proses ini merangkumi peringkat laporan pemeriksaan, draf rancangan struktur dan draf rancangan tempatan. Perihal penyertaan awam dalam proses penyediaan rancangan pemajuan ini boleh dirujuk kepada jadual 2.7.

---

<sup>9</sup>Rancangan Pemajuan yang dimaksudkan ialah Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan.

Jadual 2.7: Perkara Penyertaan Awam Dalam Akta 172

	Penerangan
Laporan Pemeriksaan	Di bawah seksyen 9(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976, telah memperuntukkan bahawa seranta perlu diberikan kepada laporan pemeriksaan serta memberi peluang kepada awam membuat rayuan terhadap perkara-perkara yang dicadangkan dimasukkan dalam Rancangan Struktur.
Draf Rancangan Struktur	<p>Penyertaan bertulis yang menjelaskan dasar dan cadangan pihak berkuasa tempatan terhadap kemajuan kawasannya dan isu-isu lain dapat dilihat dalam seksyen 8(3) dan 8(6). Apabila sampai kepada jawatankuasa, ia akan diwartakan, serta masa dan tempat penyertaan diumumkan. Masa untuk mengemukakan bantahan ialah 1 bulan.</p> <p>Draf yang dikemukakan kepada jawatankuasa disertakan dengan butiran dan bantahan-bantahan yang dikemukakan. Jika jawatankuasa tidak memberikan jawapan dalam masa 3 bulan, pihak berkuasa perancangan tempatan boleh menunjukkan draf kepada pihak berkuasa negeri untuk persetujuan. Sekiranya bersetuju, ia diwartakan melalui Warta Negeri dan sekurang-kurangnya dalam dua akhbar tempatan (satu dalam bahasa kebangsaan) dan menjelaskan bahawa laporan pelan boleh dibeli dan diperiksa. Apabila diwartakan, ini bermakna draf rancangan struktur dikuatkuasakan menurut seksyen 10(6) dan 10(7).</p>
Draf Rancangan Tempatan	Dalam penyediaan rancangan tempatan, pihak berkuasa perancangan tempatan hendaklah menentukan kawasan tindakan dan disertakan pernyataan bertulis dan peta-peta dan penggunaan tanah (seksyen 12). Apabila diluluskan, ia diwartakan untuk tujuan membuat bantahan (seksyen 13). Seksyen 14 pula menjelaskan pihak berkuasa tempatan boleh mengarahkan penyiasatan oleh jawatankuasa yang dilantik oleh pihak berkuasa negeri. Apabila pihak berkuasa perancangan tempatan mengakui penerimaan draf ini, ia diwartakan sebagaimana dalam seksyen 15 dan 16.

Sumber: dipetik daripada Akta 172 dengan pindaan 1995 (namun hal ini hanya berdasarkan kepada sehingga pindaan 1995, untuk pindaan terbaru 2001 sila rujuk Akta A1129 ataupun lampiran – hanya yang berkenaan, untuk mengenalpastikan sesetengah perubahan perkataan seperti perancang berkuasa tempatan telah ditukarkan kepada Pengarah Negeri dan sebagainya).